

# Dua lelaki bantu lupus barang curi dipenjara

**SIBU:** Dua lelaki masing-masing dikenakan hukuman penjara 10 bulan dan enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan membantu melupuskan barang curi.

Gurang Maling, 36, dijatuhi hukuman penjara 10 bulan sementara Birong Mardan, 52, dikenakan hukuman penjara enam bulan, di mana hukuman penjara berkuatkuasa dari tarikh mereka ditahan masing-masing pada 6 dan 7 Oktober lepas.

Berdasarkan pertuduhan, kedua-dua mereka didakwa bersama membantu melupuskan barang curi iaitu gegelung penyejuk tembaga, atap aluminium dan tong gas pada 20 Februari 2024, kira-kira jam 9.30 pagi di sebuah premis Jalan Tapah.

Sehubungan itu, kedua-dua mereka didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 414 Kanun Keseksaan yang dibaca

bersama Seksyen 34 Kanun yang sama.

Sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara hingga tujuh tahun atau dengan denda.

Mengikut fakta kes, pada 20 Februari 2024, kira-kira jam 9.30 pagi pengadu mendapati beberapa barang miliknya hilang dari stor premis di Jalan Tapah.

Pemeriksaan lanjut pengadu mendapati 30 gegelung penyejuk tembaga, 10 keping atap aluminium dan satu tong gas hilang, dengan kerugian dianggarkan RM1,500.

Pada 6 Oktober 2024, kira-kira jam 9.50 pagi, pihak polis telah menahan seorang lelaki iaitu Gurang di Jalan Awang Ramli Amit, diikuti Birong pada 7 Oktober 2024, kira-kira jam 8.20 malam di Lorong Sungai Merah 2D2.

Sementara itu, Gurang turut dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret atas

pertuduhan mencuri van milik Birong pada 21 Ogos 2024, jam lebih kurang 6 pagi di tempat parkir Jalan Sungai Merah.

Gurang diperintah menjalani hukuman penjara itu setelah tamat menjalani hukuman penjara 10 bulan yang dijatuhi mahkamah sebelum itu.

Bagi kesalahan mencuri van ini, dia didakwa mengikut Seksyen 379A(1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak lebih tujuh tahun dan juga denda, jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 21 Ogos 2024 kira-kira jam 6 pagi, Birong mendapati van miliknya hilang dari tempat parkir di Jalan Sungai Merah, dipercayai dicuri.

Ini membawa kepada penahanan tertuduh yang kemudian memandu arah pihak polis ke sebuah premis di Sarikei di mana tempat dia menjual van terbabit.